

Pejabat
Pembangunan

Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA
Tel: (+603) 5544 3333
Faks: (+603) 5544 2220
E-mel: cia@salam.uitm.edu.my



PEMENANG
Anugerah Kualiti
Perdana Menteri
2008



Surat Kami : 200-BP (PB 5/1) HKV. PKK. UiTM SA
Tarikh : 5 Mac 2010

Kepada,

PTIS Engineering Sdn. Bhd (483044-K)

No. 3-A, Jalan Kelumpang Satu 27/41A

Taman Bunga Negara, Seksyen 27,

40400 Shah Alam

Tel : 03 – 5192 2011

Selangor

Fax : 03 – 5192 2105

Tuan

PEMBERITAHUAN PENERIMAAN TENDER

Tender Untuk :

**CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF KABEL 11KV SEDIAADA DAN
JUGA SAMBUNGAN BEKALAN KE PUSAT KONVENSYEN DAN KEBUDAYAAN
UNTUK UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

Adalah saya diarah untuk memaklumkan iaitu tender tuan berharga **RM 8,724,055.00**
(Ringgit Malaysia : **Lapan Juta Tujuh Ratus Dua Puluh Empat Ribu Lima Puluh
Lima Sahaja**) telah dipersetujui oleh **Lembaga Perolehan B2** (Pembangunan &
Penyelenggaraan Fizikal) UiTM di dalam mesyuarat Bil: 39 bertarikh 11hb Februari 2010
untuk disetujuterima.

2. Bersama-sama ini disertakan:-

- a) Surat Setujuterima Tender (JKR 203D-Pin. 5/2003) - Asal dan tiga (3) salinan.
- b) Borang Jaminan Bank (SPP Bil 5 Tahun 2007 – BORANG J2) untuk Bon Pelaksanaan
- Satu (1) salinan sebagai contoh.

- c) Borang Jaminan Bank (SPP Bil 5 Tahun 2007 – BORANG M1) untuk Pembayaran Wang Pendahuluan - Satu (1) salinan sebagai contoh.
 - d) Borang CIDB L1/96 – Satu (1) salinan sebagai contoh
3. Sila maklum tentang perkara-perkara berikut:-
- a) Tempoh Siap Kerja : 20 Minggu
 - b) Tarikh Milik Tapak : 15 Mac 2010
 - c) Tarikh Siap kerja : 1 Ogos 2010
 - d) Denda Gantirugi Kelewatan : RM 2,390.15 sehari
 - e) Tempoh Tanggungan Kecacatan: Dua belas (12) bulan
 - f) Pegawai Penguasa : Naib Canselor, Universiti Teknologi MARA
4. Sebelum tuan dibenarkan memulakan kerja-kerja di atas, tuan adalah diarahkan untuk mengambil dan mengemukakan ke pejabat ini dokumen-dokumen seperti berikut:-
- a) **Bon Perlaksanaan** (Performance Bond)
 - Nilai Bon Perlaksanaan ialah 5% daripada jumlah harga kontrak iaitu **RM 436,202.75**
 - Tuan dikehendaki mengambil Bon Pelaksanaan sama ada:
 - i) Jaminan Bank / Bank Islam / Bank Pembangunan & Infrastruktur Malaysia Berhad(BPIMB), atau
 - ii) Jaminan Syarikat Kewangan , atau
 - iii) Jaminan insurans / Takaful, atau
 - iv) Wang Jaminan Perlaksanaan yang dikenakan potongan sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada setiap bayaran interim sehingga mencapai jumlah lima peratus (5%) daripada jumlah harga kontrak.
 - Contoh borang terdapat di para 2 (b) di atas. Sila kembalikan yang asal dan dua (2) salinan lain ke pejabat ini setelah tindakan diambil.
 - Tempoh Bon Perlaksanaan bermula dari tarikh **15 Mac 2010** hingga **31/7/2012** (Meliputi Tempoh Kontrak, Tempoh Tanggungan Kecacatan dan 12 bulan).

b) **Polisi Liabiliti Awam** (Public Liability Policy)

- Polisi hendaklah dikeluarkan oleh Syarikat Insurans yang diakui dan diambil di atas nama Universiti Teknologi MARA untuk tanggungan minimum bernilai **RM 500,000.00** bagi satu kemalangan atau siri kemalangan yang berbangkit dari satu kejadian.
- Liputan bilangan kemalangan hendaklah tidak terhad.
- Tempoh Insurans hendaklah sekurang-kurangnya dari tarikh **15 Mac 2010** hingga **14 November 2011**. (Meliputi Tempoh Kontrak + Tempoh Tanggungan Kecacatan + 14 hari + 3 bulan).

c) **Polisi Insurans Untuk Kerja** (Insurance Policy For The Works)

Polisi ini hendaklah dikeluarkan oleh Syarikat Insurans yang diakui dan diambil di atas nama Universiti Teknologi MARA dan Kontraktor berharga **RM 8,724,055.00** bermula dari tarikh **15 Mac 2010** hingga **1 Ogos 2010** (meliputi tempoh kontrak) untuk menanggung liabiliti '*against loss and damages by fire, lightning, explosion, storm, tempest, flood ground subsidence, busting or overflowing of water tanks, apparatus or pipes, aircraft and other aerial devices for articles dropped there from, riot and civil commotion, all work executed and all unfixed materials and goods, delivered to, place on or adjacent to the works and intended therefore (but excluding temporary buildings, plant, tools and equipment owned or hired by the Contractor or any Sub-Contractor, nominated or otherwise*').

d) **Skim Keselamatan Sosial** Pekerja (Social Security Scheme)

Sila kemukakan nombor kod majikan di bawah Skim PERKESO dan atau.

- Bagi perkara (b) dan (c) di atas, adalah memadai jika tuan mengemukakan Nota Liputan (Cover Note) bagi polisi-polisi insurans dan resit-resit premium yang telah dibayar, bagi tujuan memulakan kerja sahaja.

5. Sila kembalikan ke pejabat ini perkara-perkara berikut:-

- a) Surat Setujuterima Tender (JKR 203D) - Pin 5/2003 yang asal telah ditandatangani:
 - Satu (1) salinan asal dan dua (2) salinan untuk simpanan Universiti Teknologi MARA.
 - Satu (1) salinan untuk simpanan kontraktor.
- b) Bon Perlaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank dari Bank yang diakui oleh Kerajaan Malaysia.
- c) Nota Liputan untuk Polisi Liabiliti Awam.

- d) Nota Liputan untuk Polisi Insurans Kerja.
- e) Nombor Pendaftaran Skim Keselamatan Sosial Pekerja.
- f) Jadual Kerja Pembinaan Yang Akan Dilaksanakan

Jadual Kerja Pembinaan hendaklah senang difahami untuk tujuan rujukan. Jadual tersebut perlu merangkumi perkara-perkara berikut:

- (i) Butir-butir terperinci di semua peringkat kerja pembinaan.
 - (ii) Kedudukan keadaan cuaca yang dijangka dalam tempoh pembinaan.
 - (iii) Senarai cuti umum pada keseluruhan jangka masa pembinaan.
 - (iv) Jadual Kerja Mekanikal dan Elektrikal yang perlu diselaraskan bersama. (Jika berkaitan).
 - (v) Satu (1) set Critical Path Analysis Network.
 - (vi) 'Method Statement' yang memberi penerangan ke atas cara-cara pelaksanaan dan penyelesaian bagi setiap urusan kontrak serta jangkamasa yang dihadkan bagi setiap peringkat.
- g) Carta Organisasi Pengurusan dan Pengawasan Kerja Pembinaan Berkenaan
- Carta organisasi pengurusan dan pengawasan kerja pembinaan perlu dibuat dengan terperinci dan menyeluruh.
- h) Nama dan butir latarbelakang Pegawai Keselamatan yang hendak ditugaskan untuk projek mengikut kehendak Akta Occupational Safety and Health Act, 1994.

6. Tuan boleh memohon wang pendahuluan berjumlah tidak melebihi **RM 2,088,513.75** iaitu 25% daripada nilai kerja pembinaan (harga kontrak tidak termasuk Wang Kos Prima dan Peruntukan Sementara).

Tuan adalah dikehendaki untuk mengambil cagaran dalam bentuk yang diakui oleh Kerajaan Malaysia. Contoh borang dinyatakan di para 2 (c) di atas. Sila kembalikan yang asal serta dua (2) salinan lain ke pejabat ini setelah tindakan diambil.

7. Tuan hendaklah mematuhi Bahagian VIII Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 dan Peraturan Industri Pembinaan (Pungutan Levi) 1996 dan hendaklah mengemukakan satu pemberitahuan di atas Borang CIDB L1/96 kepada Lembaga tidak lewat dari 14 hari setelah pengeluaran surat setujuterima atau apa-apa dokumen yang ditakrif sebagai penerimaan kontrak kerja, atau tidak kurang dari 14 hari sebelum bermulanya kerja yang mana tarikh terdahulu.

8. Sila hubungi pejabat berkenaan di bawah untuk mendapat maklumat lanjut mengenai: -

a) Polisi-Polisi Insurans dan Kontrak:

Juruukur Bahan

Perunding BE Sdn. Bhd.
No. 11-3, Jalan Ara SD7/3A, PJU9,
Bandar Sri Damansara,
52200 Kuala Lumpur

b) Tapak Bina, Pelan-Pelan, Spesifikasi dan Hal-Hal Teknikal :

Arkitek

AMC Architect
Block G-2-006,
Plaza Damas, No. 60,
Jalan Sri Hartamas Satu,
50480 Kuala Lumpur.

Jurutera Awam & Struktur

Nordin Kidam & Hadi Sdn. Bhd.
No. 60-B, Jalan SS 22/25,
Damansara Jaya 47400
Petaling Jaya, Selangor

JNA Iktisas Sdn. Bhd.
No. 37-1, Jalan 6/76B
Desa Pandan
55100 Kuala Lumpur

Jurutera Mekanikal & Elektrikal

Perunding Juruwas Sdn. Bhd.
No. 22A, 1ST Floor, Jalan SS 6/8
Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

9. Tuan adalah dinasihatkan supaya mempercepatkan tindakan bagi perkara-perkara di atas supaya kerja dapat dimulakan pada tarikh milik Tapak Bina dan dokumen kontrak dapat disediakan dengan segera. Tuan diberi tempoh dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh surat ini untuk mengembalikan Surat Setujuterima yang telah ditandatangani beserta dokumen-dokumen berkaitan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar



CHE IZAM ABU NOH
Pengerah
Universiti Teknologi MARA

- s.k.
1. Lembaga Hasil Dalam Negeri
Tingkat 4, Blok 9, Kompleks Kerajaan,
Jalan Duta..
50600 Kuala Lumpur
Tel: 03-6201 7055
 2. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
Tingkat 7, Grand Seasons Avenue
No. 72, Jalan Pahang
53300 Kuala Lumpur
Tel: 03-4044 8808
 3. Pusat Khidmat Kontraktor
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
Aras 5, Lot 2G6
Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya
Tel: 03-8880 5412
 4. Jabatan Buruh Negeri Selangor
Lot B, 210 & C 208
Tingkat 2 East Wing
Wisma Tractors
No7, Jalan SS 16/1
47509 Subang Jaya, Selangor
 5. Pejabat Naib Canselor
Aras 6, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
UiTM Malaysia
 6. Penolong Naib Canselor
Pembangunan & Pengurusan Fasiliti
Pejabat Pembangunan
UiTM Malaysia
 7. Pengerah
Pejabat Pembangunan
UiTM Malaysia

8. Ketua Timbalan Bendahari
Bahagian Pengurusan Perolehan
Bangunan Stor Pusat
UiTM Malaysia
9. Timbalan Bendahari Kanan
Unit Kewangan Zon 5
UiTM Malaysia
10. Timbalan Pengarah Pembangunan
Bahagian Kejuruteraan Mekanikal Dan Elektrikal
Pejabat Pembangunan
UiTM Malaysia
11. AMC Architect
Block G-2-006,
Plaza Damas, No. 60,
Jalan Sri Hartamas Satu,
50480 Kuala Lumpur.
12. Nordin Kidam & Hadi Sdn. Bhd.
No. 60-B, Jalan SS 22/25,
Damansara Jaya 47400
Petaling Jaya, Selangor
13. JNA Iktisas Sdn. Bhd.
No. 37-1, Jalan 5/76B
Desa Pandan
55100 Kuala Lumpur
14. Perunding Juruwas Sdn. Bhd.
No. 22A, 1ST Floor, Jalan SS 6/8
Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
15. Perunding BE Sdn. Bhd.
No. 11-3, Jalan Ara SD7/3A, PJU9,
Bandar Sri Damansara,
52200 Kuala Lumpur
16. Bahagian Pengurusan Kontrak Dan Kawalan Kos
Pejabat Pembangunan
UiTM Malaysia

KN/rnrh/mrj